

(27 Mac 2021) Sinar Harian p. 10

20 hari kes di bawah angka 2,000

1,275 kes direkodkan pada Jumaat dan satu kematian melibatkan lelaki tempatan

KUALA LUMPUR

Malaysia merekodkan jumlah kes baharu harian Covid-19 di bawah angka 2,000 untuk 20 hari berturut-turut dengan 1,275 kes pada Jumaat dan satu ke-

matian melibatkan lelaki tempatan dilaporkan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, dalam tempoh 24 jam juga, sebanyak 1,509 kes sembuh direkodkan menjadikan jumlah kumulatif kes pulih daripada Covid-19 di Malaysia kini sebanyak 323,925 kes, manakala angka keseluruhan kematian kini 1,249 orang, selain jumlah kes aktif kini sebanyak 14,269 kes.

“Daripada jumlah kes baharu hari ini (Jumaat), 1,243 kes melibatkan penularan tempatan, manakala hanya 32 kes import, sementara 161 kes sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU)

dengan 70 individu memerlukan alat bantuan pernafasan,” katanya dalam satu kenyataan mengenai perkembangan Covid-19 di sini pada Jumaat.

Menurutnya, Selangor kekal mencatat kes harian tertinggi iaitu 478 kes, diikuti Sarawak (213), Johor (120), Pulau Pinang (137), Kelantan dan Kuala Lumpur masing-masing 86 kes, Sabah (51), Perak (28), Kedah (27), Melaka (19), Negeri Sembilan (12), Pahang (enam), Labuan (lima),



DR NOOR HISHAM

Terengganu (tiga) serta Perlis dan Putrajaya, masing-masing dua kes.

“Terdapat 13 lagi kluster dikesan hari ini (Jumaat) melibatkan 11 kluster di tempat kerja dan dua kluster komuniti iaitu Kluster Batu Gong di Sarawak dan Kluster Pengkalan Nangka Tumpat di Kelantan,” katanya.

Beliau berkata, kluster di tempat kerja melibatkan Kluster Taman Brick, Kluster Jalan Gemilang Sukan dan Kluster Jalan Sungai Chat di Johor, Kluster

Tapak Bina Sungai Emas dan Kluster Tapak Bina Jalan Atmosphere (Selangor), Kluster Persiaran Cassia Selatan dan Kluster Lebuhraya Kampung Jawa (Pulau Pinang), Kluster Sawit Sebrang dan Kluster Kolam Lintas (Sabah) serta Kluster Paya Bemban di Kelantan dan Kluster Lorong Desa Senadin di Sarawak.


“Pertambahan kluster baharu menjadikan jumlah kluster di Malaysia sebanyak 1,335 dengan 393 daripadanya masih aktif.

“Sebanyak 14 kluster dinyatakan tamat hari ini (Jumaat),” kata Dr Noor Hisham. - Bernama


SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 26 Mac 2021

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 338,168 kes kepada 339,443 kes



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	PULIH:	ICU:	KEMATIAN:	KES BAHARU	SUDAH DIVAKSIN
339,443	323,925	161	1,249	+1,275	536,681

